

06/11/1999

Jentera pentadbir tidak boleh memihak: Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan jentera pentadbiran tidak memihak kepada mana-mana parti politik, sebaliknya melaksana dan menjayakan segala rancangan serta dasar-dasar kerajaan.

Perdana Menteri berkata, pembabitan jentera pentadbiran dengan politik 'partisan' akan menjejaskan pelaksanaan dasar dan rancangan kerajaan, sekali gus menjejaskan kebajikan rakyat serta pembangunan negara.

Sehubungan itu, jentera pentadbiran negara perlu mengekalkan profesionalisme dan pengasingannya daripada kegiatan politik tanpa mengambil kira parti yang menjadi kerajaan.

Katanya, perkhidmatan pentadbiran perlu sedar bahawa jika ada mereka aktif dalam memajukan politik pembangkang, perkara yang sama boleh berlaku apabila pembangkang pula menjadi kerajaan.

"Sudah tentu pegawai yang memihak kepada parti kerajaan yang dikalahkan, akan cuba secara aktif menggagalkan dasar kerajaan menyebabkan jentera kerajaan tidak akan berkesan walau apapun parti yang memerintah dan yang menjadi mangsa ialah negara dan rakyat.

"Oleh itu, sikap profesionalisme amat penting walau siapa juga menjadi kerajaan. Pentadbiran perlu melaksana dan menjayakan segala rancangan dan dasar yang dibawa kerajaan terbabit.

"Pendirian peribadi mengenai politik tidak boleh diambil kira atau mempengaruhi keputusan kerajaan semasa," katanya ketika berucap di majlis makan malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) 1999, di Hotel Palace of The Golden Horses, di sini.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, hakikat Malaysia membangun dengan pesat membuktikan pentadbir di negara ini bersikap profesional.

Beliau berterima kasih kepada jentera pentadbiran negara yang tidak menimbulkan masalah, sebaliknya memberi kerjasama kuat kepada kerajaan ketika negara menghadapi krisis, baik politik, ekonomi mahupun pentadbiran.

"Walaupun semakan gaji tidak dibuat, elaun tertentu dihentikan dan bonus tidak dibayar, pegawai dan kakitangan kerajaan di semua peringkat tidak mengambil tindakan perusahan dan tidak menuntut apa-apa sebaliknya menerima baik tindakan berjimat-cermat yang dibuat kerajaan.

"Berkat sokongan ini dan ketenteraman pegawai serta kakitangan kerajaan maka dapatlah kerajaan mencipta pendekatan kita sendiri bagi mengatasi kegawatan yang melanda negara kita," katanya sambil menambah, pemulihan ekonomi membolehkan kerajaan mengembalikan elaun dan kemudahan dinikmati sebelum ini.

(END)